

Pastikan kejayaan negara

UM 30/10/2003 - 4 PRECISE

da negara," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Sementara itu Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Dr. Mahathir pada mesyuarat Kabinet hari ini berharap segala sokongan yang telah diberikan kepadanya selama ini dipanjangkan kepada Abdullah.

"Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kerana selama ini beliau mendapat sokongan sepenuhnya daripada anggota Kabinet yang telah bekerjasama sebagai sebuah pasukan.

"Dan Perdana Menteri berharap sokongan yang sama dipanjangkan kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani kontrak peroleh-

an 11 helikopter pemerhati ringan di Wisma Pertahanan di sini.

Dalam pada itu, Rais berkata, mesyuarat hari ini turut menyentuh usaha kumpulan pelobi Yahudi yang mahu memboikot Malaysia serta perjalanan mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang dihadiri Dr. Mahathir di Bangkok minggu lepas, selain beberapa isu kecil.

Menurut Rais, setiap anggota Kabinet juga mengambil kesempatan bergambar bersama Dr. Mahathir buat kali terakhir setelah mesyuarat Kabinet itu selesai.

Rais yang turut membawa kamera pada mesyuarat itu, berperanan sebagai jurukamera kepada setiap menteri yang mahu merakamkan

gambar bersama Perdana Menteri untuk dijadikan kenang-kenangan.

Beliau berkata, Dr. Mahathir juga akan membuat ucapan perpisahan terakhir di Parlimen esok. Dr. Mahathir juga akan menjawab dua soalan asal yang dikemukakan ahli Parlimen pada sesi soal jawab esok iaitu berkaitan dengan masa depan negara serta tugas dan tanggungjawabnya selama ini, katanya. Perdana Menteri kemudian akan membentangkan Kajian Semula Penggal Pertama Rancangan Malaysia Kelapan.

Selain itu, sesi bergambar membabitkan semua anggota Parlimen bersama Dr. Mahathir juga akan diadakan di Bangunan Parlimen esok.

Menurutnya, Kabinet juga mengambil keteta-

pan bahawa Abdullah akan membuat ucapan su-lungnya sebagai Perdana Menteri pada 3 November ini. Beliau akan membentangkan usul ucapan terima kasih kepada Dr. Mahathir di Dewan Rakyat, ujarinya.

Menurut Rais lagi, Dr. Mahathir akan mula bercuti ke luar negara selepas melepaskan jawatan Perdana Menteri.

Abdullah, 64, yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 8 Januari 1999, diumumkan oleh Dr. Mahathir 78, sebagai penggantinya setelah mengumumkan peletakan jawatan Perdana Menteri pada Perhimpunan Agung UMNO pada 22 Jun 2002.